

Masyumi

Menang Taruh-Kalah Sorak

Menurut kenyataan yang disiarkan oleh Harian “Lembaga”

di Medan yang bertarikh 9 November – hasil pemilihan umum

di Indonesia (mengikut banyaknya kerusi) seperti berikut:

Masyumi 73 kerusi, P.N.I. 56,

Komunis 35, Nahdhatul Ulama’ 43, Partai Syarikat

Islam Indonesia 7, Partai Tarikat Islam Indonesia 3,

Partai Sosialis 5, Parkindo (Kristian) 4,

Katholik 1, Buruh 2, Efki 3, Parti Kedaulatan

Rakyat 1, Persatuan Dayak 1, Front Rakyat 1, dan

Irian Barat 3 Kerusi.

Lajnah Membela Alim Ulama

Lajnah pengembang pelajaran agama Islam Muar di dalam

persidangan ahli jawatankuasa tadbiran yang diadakan

di Pejabat Besarnya di Jalan Hasyim Muar, pada 14 November 1955,

telah mengambil perhatian yang sangat berat dengan amat kesal dan

duka citanya di atas perbuatan wanita-wanita Melayu yang mengambil

bahagian merebut gelaran Miss Selangor baharu-baharu ini di Kuala

Lumpur, lebih-lebih lagi di atas sikap mereka itu terhadap

teguran-teguran alim ulama dan orang-orang Melayu yang terkemuka

di tempat itu bagaimana yang tersiar beritanya di dalam akhbar.

Sekianlah keputusan sebulat suara persidangan yang tersebut

dan moga-moga dengan ini akan rujuklah mereka itu kepada

jalan yang sebenar dan diredhai, amin.

Abdul Hamid bin Husain

Setiausaha Agung yang kehormat

Lajnah Pengembang Pelajaran Agama Islam Muar.

bertanggungjawab telah memberi amaran dan tegurannya tetapi

malangnya teguran dan amarannya itu telah dibalas oleh wanita-wanita

itu dengan suatu cara yang mengejek dan menghina kepada

ulama-ulama itu.

Perbuatan wanita-wanita itu adalah menunjukkan corak

keadaan masyarakat kita sekarang kerana kalau dahulu

teguran-teguran semacam itu tidak diterima mereka sedang

mereka diam sahaja, tetapi sekarang keceluparan terhadap

teguran alim ulama sudah sedemikian rupa-dengan kata-kata

yang keji dan menghina kepada alim ulama itu. Melihat ini

sekarang jelas kepada kita bahawa jika selama ini teguran

yang sedemikian itu pun telah dibalas dengan penghinaan maka

ulama-ulama kita wajiblah sekarang dengan tegas dan jelas

maju memimpin umat kerana jika mereka hanya

berkata sahaja sedang kata-kata itu pun tidak dihargakan

maka janganlah undur sahaja tetapi majulah ke tengah

untuk menegakkan jihad dan memimpin umat yang telah

tercebur kerana, jika tidak, awaslah, agama kita akan

dipermainkan- bukannya sahaja oleh orang kebanyakan tetapi

juga oleh “pemimpin-pemimpin” yang akan mempersendakan Islam

– jika tidak sesuai dengan akan mereka.

Kecerobohan dan keceluparan yang telah dilakukan oleh

wanita-wanita “moden” itu patutlah diperhatikan oleh

ulama-ulama – janganlah dipandang sepi sahaja. Ulama-ulama tunjukkanlah

kepada umat bahawa ulama itu mewarisi anbiya’ – tugasnya

besar untuk memimpin umat. Janganlah patah hati atau

berkecil hati tetapi jadikanlah hinaan mereka itu

sebagai penggalak untuk tampil ke hadapan kerana memimpin

umat!